



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# Modul Pertandingan

## Karnival STEM Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan



**STEM**  
Science · Technology  
Engineering · Math



## **MODUL PERTANDINGAN KARNIVAL STEM KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

### **PENASIHAT**

**Pn Roslina Mohd Roslin**

**BKK, Kementerian Pendidikan Malaysia**

### **PENYELARAS**

**Pn Zalina Kamis**

**Pn Norhayati Mustapha**

**BKK, Kementerian Pendidikan Malaysia**

**BKK, Kementerian Pendidikan Malaysia**

### **KETUA PENULIS**

**En Shamsir Jemain**

**JPN Pulau Pinang**

### **PENULIS MODUL PERTANDINGAN REKACIPTA & INOVASI STEM**

**En Shamsir Jemain**

Pn Normalis Mohd Annuar

En Norman Suhaili

En Mohd Faizal Zainul

En Mohamad Fairus Sarkavi

Pn Suhanna Zainudin

Pn Nor Zaihan Shamsuddin

Pn Rafidah Mustapa

**JPN Pulau Pinang**

JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JPN Sarawak

SMK Dato' Sheikh Ahmad, Perlis

SMK Permas Jaya, Johor Bahru, Johor

SMK Ghafar Baba, Melaka

SMK Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan

SK Putrajaya Presint 18(1), Putrajaya

### **PENULIS MODUL PERTANDINGAN INOVASI KAPAL TERBANG KAWALAN JAUH**

**Tn Hj Mohd Hafiz bin Mohd Salleh**

Pn Hayati Halim

En Ronizam Sairizal Mohd Sani

En Alias Ali

En Moktar Darus

En Hisham bin Abdul Aziz

En Fuad Muhammad Ruslan

Lumpur

**JPN Kedah**

JPN Kelantan

PPD Langkawi, Kedah

SMK Tunku Ampuan Durah, N.Sembilan

SMK Permatang Rawa, Pulau Pinang

SMK Mutiara, WP, Labuan

SMK Bandar Tasek Selatan, WP, Kuala

### **PENULIS MODUL PERTANDINGAN ROKET AIR SEKOLAH MENENGAH**

**En Hanif Omri**

En Arman Mohamad Tojid

En Shaifulhizam Mohamed Ali

En Mior Hanip Yunus

En Clarence Joannes Sigam

En Adnan Zakaria

Pn Zamina Mohd Zakaria

**JPN Melaka**

JPN Pahang

JPN Perlis

SMK Batu Sepuluh, Setiawan, Perak

SMK St John, Tuaran, Sabah

SMK Gombak Setia, Selangor

SMK Sungai Isap Murni, Kuantan, Pahang

**PENULIS MODUL PERTANDINGAN PROJEK VIDEO DIGITAL STEM****Pn Noor Ashikin Hashim**

En Halim Hamid

En Norhasmadi Nordin

En Rosli Mohd Nor

En Mohd Nazrul Hisham Md Nawi

Pn Noor Azrinawati Marsit

Pn Dewi Naiwan Hashim

**JPN Terengganu**

JPN Negeri Sembilan

SK Taman Bunga Raya 1, Selangor

SMK Putrajaya Presint 16(1)

SMK Padang Negara, Terengganu

SMK Asajaya, Sarawak

SMK Batu Kikir, (MK), Negeri Sembilan

**PENULIS MODUL PERTANDINGAN ROKET AIR SEKOLAH RENDAH****En Arman Mohamad Tojid**

En Hanif Omri

En Shaifulhizam Mohamed Ali

En Mohd Zaki Ghazali

En Abdul Jalil Mat

Pn Khairul Nisah Bujang

En Mohd Rodzi Abdul Razak

**JPN Pahang**

JPN Melaka

JPN Perlis

SK Convent Infant Jesus1, Melaka

SK Bandar Tasek Selatan, WP, Kuala Lumpur

SK Pantai, Wilayah Persekutuan, Labuan

SK IPGM, Perlis

**PENULIS MODUL PERTANDINGAN BERBERITA STEM SEKOLAH RENDAH****Pn Nariza Nayan**

Pn Nur'ainsham Abu Bakar

Pn Sherly Boniface

En Mohd Yusran Othman

Pn Chau Shung Ling @ Christina

En Musa Atan

**JPN Wilayah Persekutuan, Putrajaya**

JPN Perak

JPN Sabah

SK Kg Baru, Pasir Mas, Kelantan

SK Penampang, Sabah

SK Seri Tebrau, Johor Bahru, Johor

**PENULIS MODUL PERTANDINGAN *STEM ACTION SONG*****Y.M. Tunku Saidatul Bariah Tunku Nizam**

Tn Hj Azmi Abu

En Mohd Aminuddin Hj Abdul Malek

En Muhamad Hasan Hasmali

En Azman Saad

Pn Chong Mee Ling

Pn Noyah Che Haat

En Wan Mohd Nazim Wan Omar

**JPN Selangor**

JPN Johor

JPN Wilayah Persekutuan, Labuan

PPD Kota Setar, Kedah

SK Batu Feringghi, Pulau Pinang

SK St Michael, Ipoh, Perak

SK Air Putih, Kuantan, Pahang

SK Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



**PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI**  
**SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING & MATHEMATICS (STEM)**  
**SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH**





**KERTAS KONSEP  
PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI  
*SCIENCE TECHNOLOGY ENGINEERING & MATHEMATICS (STEM)*  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

## 1.0 PENGENALAN

Pertandingan Rekacipta dan Inovasi STEM adalah satu pertandingan untuk mengumpulkan saintis-saintis dan perekacipta muda dari seluruh negara. Ia merupakan satu platform perkongsian dan pengembangan hasil kajian penyelidikan sains dan kejuruteraan para murid. Program ini telah melahirkan ramai murid yang berbakat besar di dalam dunia penyelidikan dan telah juga menghasilkan projek-projek sains dan kejuruteraan bertaraf dunia.

Tujuan asal pertandingan ini ialah untuk mengembangkan pengaplikasian pengetahuan ilmu sains dan kejuruteraan yang menjurus kepada penyelesaian masalah dan penggunaan teknologi terkini dalam kehidupan harian. Ia juga ingin memberi kesedaran dan peningkatan minat kepada para murid tentang kebaikan dan kehebatan sains dan kejuruteraan di dalam kehidupan.

## 2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mencungkil bakat murid-murid di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan inovasi sains dan kejuruteraan dan Matematik (STEM).
- 2.2 Memperkembangkan potensi dan kemahiran saintifik murid dalam membuat kajian terkini.
- 2.3 Meningkatkan kemahiran komunikasi dan kemahiran sosial dalam proses pembangunan projek.
- 2.4 Mengembangkan kebolehan dan penciptaan murid dalam bidang sains dan kejuruteraan dan Matematik ke platform yang lebih tinggi.

## 3.0 KELAYAKAN / SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua murid Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah yang belajar di sekolah menengah dan sekolah rendah bantuan kerajaan persekutuan. Sekolah bantuan kerajaan negeri dan swasta dibenarkan menyertai pertandingan ini diperingkat daerah dan negeri (sahaja) atas dasar jemputan dan segala kos pertandingan ditanggung oleh sekolah tersebut. Pelaksanaan adalah mengikut 2 kategori peserta iaitu:
  - a. Kategori Sekolah Rendah (Tahun 4 atau 5 atau gabungan Tahun 4 dan 5)
  - b. Kategori Sekolah Menengah (Tingkatan 1 atau 2 atau 4 atau gabungan Tingkatan 1, 2, dan 4)
- 3.2 Hanya **SATU (1)** projek sahaja yang akan mewakili setiap sekolah yang menyertai.
- 3.3 Setiap projek boleh diwakili secara individu atau maksima 3 orang sepasukan.
- 3.4 Semua murid yang menyertai mestilah **Warganegara** Malaysia.
- 3.5 Bidang yang dipertandingkan ialah:
  - a. Kejuruteraan ( Rekacipta Kejuruteraan)
  - b. Sains Tulen ( Fizik, Kimia, Biologi) atau Sains Alam Sekitar

- c. Matematik dan ICT
- 3.6 Peserta diminta untuk menyediakan **2 salinan** kertas projek atau penyelidikan dan dibawa ke tempat pertandingan.
- 3.7 Setiap kertas projek atau penyelidikan perlu disertakan bersama 2 salinan abstrak / ringkasan projek. (abstrak / ringkasan projek tidak melebihi 250 patah perkataan dan hendaklah ditulis dalam satu muka surat kertas bersaiz A4). Penggunaan Bahasa Inggeris amat digalakkan. Walau bagaimanapun, abstrak dalam Bahasa Melayu masih juga diterima.

#### **4.0 PANDUAN PENULISAN LAPORAN PROJEK**

- 4.1 Gunakan Kertas A4
- 4.2 Gunakan font Arial
- 4.3 Tajuk ditulis dengan font bersaiz 20 pt, bold, tengah
- 4.4 Nama murid dan penasihat ditulis dengan font 14 pt, tengah
- 4.5 Tajuk utama : 14 pt, bold, sebelah kiri
- 4.6 Subtajuk utama : 12 pt, bold, sebelah kiri
- 4.7 Gunakan selang 1.5
- 4.8 Rajah dan jadual perlu dilabel dan dinomborkan dengan betul.
- 4.9 Laras bahasa dan format penulisan perlu diedit dan disemak sebelum penghantaran laporan dibuat.


#### **5.0 FORMAT KERTAS KAJIAN**

<b>Muka surat</b>	<b>Penerangan</b>
Tajuk Projek	Nyatakan tajuk projek, nama peserta, penasihat dan sekolah. Tajuk perlu ditulis dengan ‘bold’ dan mudah dibaca.
Abstrak	Sinopsis kepada keseluruhan kajian. (nyatakan persoalan kajian, hipotesis, methodologi, hasil analisis dan kesimpulan kajian)
Isi kandungan	Nyatakan bilangan dan nombor muka surat mengikut topik. Nombor muka surat diletakkan di bahagian tengah atau hujung kiri setiap muka surat.
Penghargaan	Senaraikan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, bahan, sokongan dalam menjayakan projek.
Pengenalan	Latar belakang projek, Penyataan Masalah, Signifikan kajian, Takrif istilah, Skop dan batasan kajian, perbandingan kajian lepas.
Metodologi/ Proses Kajian	Rekabentuk dan perincian projek, Bahan dan alatan, rawatan atau prosedur yang dijalankan.
Eksperimen	Terangkan metodologi yang digunakan untuk pengumpulan data dan pemerhatian. Sertakan foto atau lakaran bahan projek atau penyelidikan. Pengumpulan data projek atau penyelidikan boleh direkodkan dalam buku data.
Hasil kajian	Analisa data, tafsiran keputusan dan hasil dapatan.
Perbincangan dan kesimpulan	Bahagian terpenting. Keputusan dan perbincangan perlu dianalisis secara terperinci, membuat perbandingan antara nilai teori dan praktikal, semakan data di jurnal dan sebagainya. Bincangkan inovasi atau pembaharuan jika ada. Ringkasan keputusan perlu spesifik.

Rujukan	Senarai rujukan hendaklah disertakan jika melibatkan dokumentasi yang bukan hasil persendirian mengikut format tertentu. (Contoh: Tajuk buku, artikel, jurnal, nama pengarang, tahun terbitan, muka surat, dsb)
Apendiks	Rajah, jadual, gambar, graf dan apa sahaja bahan visual yang diperolehi dari eksperimen yang dijalankan.

## 6.0 BAHAN PAMERAN (PROJEK / PROTOAIP)

- 6.1 Semua projek hendaklah berfungsi pada hari pertandingan. Prototaip boleh dipamerkan sepanjang pertandingan. Saiz maksima bahan projek yang dipamerkan ialah 76 cm lebar, 122 cm panjang dan 274 cm tinggi.
- 6.2 Spesifikasi papan pameran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
  - i. Bahan : Contoh bahan (Papan lapis, styrofoam, mounting board)
  - ii. Bilangan papan pameran: 3 keping (setiap satu bersaiz 2 kaki (lebar) x 4 kaki (tinggi)
  - iii . Saiz keseluruhan : 6 kaki (lebar) x 4 kaki (tinggi)



Contoh gambar papan pameran

- 6.3 Dua buah meja peperiksaan dan dua kerusi akan disediakan oleh pengelola.
- 6.4 Setiap pasukan perlu melengkapkan **Borang Penyertaan** dengan lengkap.
- 6.5 Semua **Borang Penyertaan** yang lengkap serta **Laporan Projek** yang layak ke peringkat kebangsaan hendaklah dihantar kepada JPN Pengelola semasa **pendaftaran pertandingan peringkat kebangsaan**.
- 6.6 Semua keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 6.7 Penggunaan ujian/demonstrasi terhadap haiwan tidak dibenarkan.
- 6.8 Pasukan tidak dibenarkan memamer sebarang bentuk anugerah kemenangan di dalam kawasan pameran.
- 6.9 Hanya seorang guru pembimbing bagi kategori sekolah rendah sahaja yang dibenarkan membantu persediaan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

## **7.0 Hadiah & Anugerah**

Berikut adalah cadangan anugerah pertandingan peringkat kebangsaan:

### **7.1 Kategori Sekolah Menengah:**

- 2 Anugerah Emas + Sijil Pencapaian
- 4 Anugerah Perak + Sijil Pencapaian
- 10 Anugerah Gangsa + Sijil Pencapaian

### **7.2 Kategori Sekolah Rendah:**

- 2 Anugerah Emas + Sijil Pencapaian
- 4 Anugerah Perak + Sijil Pencapaian
- 10 Anugerah Gangsa + Sijil Pencapaian

Dalam pertandingan peringkat negeri, pihak pengelola diminta memilih projek terbaik (1 projek sekolah menengah dan 1 projek sekolah rendah) yang akan bertanding ke peringkat kebangsaan. Bilangan anugerah emas, perak dan gangsa dalam pertandingan peringkat negeri bergantung kepada pengelola peringkat negeri.

## **8.0 KRITERIA PEMARKAHAN**

<b>Komponen</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Peratus</b>
<b>Pameran Projek (25%)</b>	Menggunakan pengetahuan dan prinsip sains/ matematik	<b>10</b>
	Menggunakan komputer atau teknikal dan grafik	<b>10</b>
	Keaslian/ Kreativiti/ Inovasi yang digunakan	<b>05</b>
<b>Penyampaian laporan (25%)</b>	Kemahiran penyampaian	<b>10</b>
	Kemahiran saintifik dan kreativiti	<b>05</b>
	Kemahiran interaksi dan menjawab soalan	<b>05</b>
	Personaliti keseluruhan	<b>05</b>
<b>Penulisan Laporan (25%)</b>	Abstrak	<b>05</b>
	Pengenalan dan Tinjauan Literature	<b>05</b>
	Methodologi	<b>05</b>
	Keputusan, Hasil dapatan dan Perbincangan	<b>05</b>
	Kesimpulan dan Cadangan Kajian	<b>05</b>
<b>Projek Signifikan (25%)</b>	Pemikiran saintifik/ matlamat kejuruteraan	<b>10</b>
	Sumbangan kepada keperluan dan kemandirian pembangunan masyarakat	<b>10</b>
	Kesan kepada kualiti alam sekitar dan masyarakat	<b>05</b>

## **9.0 PENYAMPAIAN LAPORAN KAJIAN**

Murid diberi masa selama 7 minit sahaja untuk membentangkan hasil kajian di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan 5 minit untuk menjawab soalan yang diberikan oleh hakim dan para peserta yang hadir.


10. HAKIM

- 10.1** Hakim akan dipilih dari 3 sektor utama iaitu;

  - i. Hakim dari Kementerian Pendidikan Malaysia
  - ii. Hakim dari sektor industri / perkilangan / pembinaan
  - iii. Hakim dari IPTA/ IPTS

**10.2** Ketua Hakim akan dipilih oleh pihak pengelola.

## 11. CARTA ALIR PERTANDINGAN



## 12. TENTATIF PERTANDINGAN

Hari Pertama	Hari Kedua	Hari Ketiga	Hari Keempat
	<b>8.00-10.30 pagi</b>	<b>8.00-10.30 pagi</b>	<b>8.00-9.00 pagi</b>
Perjalanan	Pemasangan Projek	Penghakiman 2	Lawatan orang awam ke pameran inovasi dan rekacipta
<b>2.00 – 4.00 petang</b>	<b>11.00-1.00 ptg</b>	<b>11.00-1.00 ptg</b>	<b>11.30-2.00 petang</b>
Pendaftaran Pasukan / Hakim / Teknikal	Penghakiman 1	Rumusan hakim	Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah
<b>8.30 – 10.00 malam</b>	<b>2.30-4.30 ptg</b>	<b>2.00-5.00 ptg</b>	<b>3.00 petang</b>
Taklimat (Pasukan / Hakim / Teknikal / Urus setia)	Penghakiman 1	Lawatan orang awam ke pameran inovasi dan rekacipta	Kemas bahan pameran dan Pergerakan balik ke destinasi masing-masing

**PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI STEM PERINGKAT KEBANGSAAN**

**KOD KUMPULAN :** .....

**TAJUK PROJEK :** .....

KOMPONEN	KRITERIA	SKALA PEMARKAHAN										JUMLAH
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
<b>PAMERAN PROJEK 25%</b>	Menggunakan pengetahuan dan prinsip sains/matematik											/25
	Menggunakan komputer atau teknikal dan grafik	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	Keaslian/ Kreativiti/ Inovasi yang digunakan	1		2		3		4		5		
<b>PENYAMPAIAN LAPORAN 25%</b>	Kemahiran penyampaian	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	/25
	Kemahiran saintifik	1		2		3		4		5		
	Kemahiran interaksi dan menjawab soalan	1		2		3		4		5		
	Personaliti keseluruhan	1		2		3		4		5		
<b>PENULISAN LAPORAN 25%</b>	Abstrak	1		2		3		4		5		/25
	Pengenalan dan Tinjauan Literature	1		2		3		4		5		
	Methodologi	1		2		3		4		5		
	Keputusan, Hasil dapatan dan Perbincangan	1		2		3		4		5		
	Kesimpulan dan Cadangan Kajian	1		2		3		4		5		
<b>PROJEK SIGNIFIKAN 25%</b>	Pemikiran saintifik atau matlamat kejuruteraan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	/25
	Sumbangan kepada keperluan dan kemandirian pembangunan masyarakat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	Kesan kepada kualiti alam sekitar dan masyarakat	1		2		3		4		5		
<b>JUMLAH MARKAH</b>		/100										

Disediakan oleh:

.....

NAMA HAKIM:

## **13. PANDUAN PENGELOLA (KEBANGSAAN / NEGERI)**

### **13.1 Persiapan Tempat Pertandingan dan peralatan**

13.1.1 Dewan (16 SR dan 16 SM projek peringkat Kebangsaan)  
Dewan/ bilik darjah/ makmal fizik (Peringkat Negeri/ Daerah) untuk mempamerkan bilangan projek inovasi.

13.1.2 2 meja lipat (banquet)/meja peperiksaan bagi setiap pasukan.

13.1.3 2 buah kerusi bagi setiap pasukan.

13.1.4 Sistem siaraya

13.1.5 Sumber tenaga elektrik (plug point) untuk setiap *booth*

13.1.6 Keperluan hakim

- Bilik mesyuarat hakim.
- 6 unit *clip file* (3 SR, 3SM)
- 6 Kalkulator (3 SR, 3SM)
- 4 unit meja banquet beserta alas (2 SR, 2 SM)
- 8 unit kerusi (4 SR, 4 SM)
- Borang penghakiman
- 6 batang pen

13.1.7 Keperluan penolong teknikal

- 2 unit meja banquet
- 6 unit kerusi
- 6 stop watch/ buzzer
- Alat tulis
- 1 *softboard*
- 1 rim Kertas A4

### **13.2 Bilangan urus setia / pembantu urus setia / hakim**

Petugas	Kategori		Jumlah (orang)
	Menengah	Rendah	
Hakim	3	3	6
Pembantu Teknikal (Guru)	3	3	6
Urus setia (Murid)	5	5	10

### **13.3 Perjalanan pertandingan**

- 13.3.1 Pendaftaran pertandingan akan dijalankan pada malam hari pertama.
- 13.3.2 Taklimat pasukan dan hakim akan diadakan pada malam pertama karnival.
- 13.3.3 Penetapan ruang pameran akan dibuat secara undian pada malam taklimat.
- 13.3.4 Setiap pasukan diberikan masa selama 1 jam 30 minit untuk menyediakan bahan projek.
- 13.3.5 Peserta tidak dibenarkan menukar kedudukan yang telah ditetapkan dengan peserta lain.
- 13.3.6 Tidak dibenarkan pihak luar membantu penyediaan projek termasuk guru pembimbing.
- 13.3.7 Semua maklumat bahan pameran hendaklah dipamerkan dengan menggunakan panel yang telah ditetapkan.
- 13.3.8 Semua pasukan tidak dibenarkan menampal sebarang maklumat projek pada dinding ruang pameran.
- 13.3.9 Semua peserta dikehendaki memakai pakaian yang beridentitikan sekolah/baju t yang berkollar.

### **13.4 Proses penghakiman**

- 13.4.1 Setiap pasukan perlu menghantar 2 salinan kertas projek kepada urus setia pada hari pertandingan (sebelum penyediaan bahan projek).
- 13.4.2 Proses penghakiman akan dijalankan secara lawatan ke setiap projek secara individu dan berkumpulan.
- 13.4.3 Proses penghakiman diberikan kepada dua slot. 8 kumpulan slot pertama dan 8 kumpulan slot kedua.
- 13.4.4 Sesi penghakiman dianggarkan berjalan selama 12 minit (pembentangan dan soal jawab) bagi setiap pasukan.
- 13.4.5 Peserta diminta bersedia dimeja projek masing-masing semasa proses penghakiman dijalankan.
- 13.4.6 Urus setia hendaklah memastikan hanya peserta sahaja yang berada dalam dewan semasa sesi penghakiman dijalankan.
- 13.4.7 Borang-borang penghakiman dan *clip file* perlu disediakan oleh urus setia.
- 13.4.8 Hakim akan bermesyuarat di bilik mesyuarat untuk mendapatkan keputusan.
- 13.4.9 Keputusan pertandingan diserahkan kepada urus setia pertandingan.
- 13.4.10 Keputusan hakim adalah muktamad.

### **13.5 Lokasi pertandingan**

- 13.5.1 Lokasi pertandingan akan ditentukan oleh pihak pengelola
- 13.5.2 Setiap *booth* akan dilabelkan dengan nombor sahaja seperti SR1, SR2, SR3,... bagi kategori Sekolah Rendah dan SM1, SM2, SM3,... bagi kategori Sekolah Menengah.
- 13.5.3 Lawatan projek akan dibuka kepada pelawat selepas proses penghakiman selesai.
- 13.5.4 Peserta atau wakil perlu berada dimeja projek masing-masing dalam masa pameran dibuka.

13.5.5 Sepanjang pameran, keselamatan projek adalah di bawah tanggungjawab setiap pasukan masing-masing.

### 13.6 Keselamatan Projek

- 13.6.1 Sepanjang pertandingan, pihak urus setia diminta mengambil kira aspek keselamatan projek-projek yang bertanding.
- 13.6.2 Dewan/ bilik pameran hendaklah dikunci apabila tidak digunakan.
- 13.6.3 Setiap peserta hendaklah memastikan semua projek dikemaskan dan tidak meninggalkan sebarang bahan atau peralatan projek sebaik sahaja tamat pertandingan.

### SENARAI KEPERLUAN PERTANDINGAN INOVASI STEM


BIL	PERKARA	KUANTITI	CATATAN
1.	Dewan / bilik darjah/ makmal fizik	1 (32 projek)	
2.	Bilik mesyuarat hakim	1 (10 - 12 orang)	
3.	<i>Softboard</i>	1 unit	
4.	Meja lipat ( <i>banquet</i> ) beralas (hakim dan urus setia)	6 unit	
5.	Kerusi (hakim dan urus setia)	14 unit	
6.	Meja lipat ( <i>banquet</i> ) / peperiksaan	2 buah x 32 projek = 64	*saiz minimum 55 cm x 120 cm
7.	Kerusi	2 buah x 32 projek = 64	
8.	Sistem siaraya	1 set	
9.	<i>Clip file</i>	6 unit	
10.	Borang penghakiman	6 hakim x 32 projek = 64 set	
11.	Pen penghakiman	15 unit	
12.	Stop watch / buzzer	6 unit	
13.	Kalkulator	6 unit	
14.	Kertas A4	1 rim	
15.	First aid kit	1 set	

**SPESIFIKASI TUGAS DAN PERANAN**  
**PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI**  
**SCIENCE TEKNOLOGI ENGINEERING & MATHEMATICS (STEM)**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN**

<b>PETUGAS</b>	<b>BIL</b>	<b>PERINCIAN TUGAS</b>
<i>PEGAWAI TEKNIKAL</i>	1.	Menyediakan tempat pertandingan mengikut senarai semak peralatan oleh pengelola
	2.	Mendapatkan pelan lantai pertandingan daripada pihak pengelola
	3.	Menyediakan borang maklumat hakim semasa pendaftaran
	4.	Mengiringi hakim ke tempat pertandingan
	5.	Menyediakan alat tulis dan keperluan hakim
	6.	Menjalankan taklimat kepada hakim, guru pembimbing, peserta dan pembantu teknikal
	7.	Membuat pendaftaran peserta
	8.	Mengumpul Kertas Projek untuk diserahkan kepada hakim semasa pemasangan projek
	9.	Menjalankan pengundian tempat pertandingan
	10.	Memberikan taklimat akhir sebelum pertandingan bermula
	11.	Menetapkan masa penyediaan tempat pertandingan
	12.	Memastikan hanya peserta sahaja yang membuat pemasangan projek
	13.	Membantu hakim semasa proses pengiraan markah
	14.	Mengumpul keputusan pertandingan untuk diserahkan kepada pihak pengelola
	15.	Mengedarkan borang soal selidik kepada peserta dan guru pembimbing
	16.	Memastikan keselamatan tempat pertandingan (mengunci dewan pertandingan)
	17.	Memastikan kebersihan dewan setelah selesai pertandingan
<i>HAKIM</i>	1.	Mendapatkan maklumat pertandingan dari Pegawai Teknikal
	2.	Menerima borang pemarkahan dan peralatan yang diperlukan
	3.	Meneliti laporan projek yang diterima semasa peserta memasang booth pameran
	4.	Menjalankan penilaian kepada setiap pasukan secara individu semasa penghakiman 1 secara berkumpulan semasa penghakiman 2
	5.	Sewaktu penghakiman 1 peserta diberi masa 7 minit untuk membuat persembahan projek. Hakim diberi masa 5 minit untuk berosal jawab dengan peserta
	6.	Melengkapkan borang pemarkahan

	7.	Mengadakan mesyuarat bersama Pegawai Teknikal untuk menetapkan pemenang mengikut kategori Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah
	8.	Ketua hakim membuat rumusan pertandingan kepada peserta
	9.	Mengisi borang soal selidik untuk penambahbaikan program
PEMBANTU TEKNIKAL	1.	Membantu Pegawai Teknikal untuk menyediakan tempat pertandingan mengikut senarai semak peralatan oleh pengelola
	2.	Menyusun meja mengikut pelan lantai pertandingan
	3.	Mengedarkan alat tulis dan keperluan hakim
	4.	Membantu proses pendaftaran peserta
	5.	Menyerahkan Kertas Projek kepada hakim
	7.	Menetapkan dan melabelkan booth pameran untuk setiap peserta
	8.	Memberi bantuan kepada peserta jika diperlukan
	9.	Membantu hakim jika diperlukan
	10.	Mengawal pergerakan peserta semasa pertandingan
	11.	Mengedarkan borang soal selidik kepada peserta dan guru pembimbing
	12.	Memastikan keselamatan tempat pameran (mengunci dewan pameran)
	13.	Memastikan kebersihan dewan setelah selesai pertandingan
	14.	Memastikan peserta bersedia di kawasan projek masing-masing sepanjang lawatan daripada luar
Urus setia (Murid)	1.	Menjaga masa semasa penilaian hakim secara individu
	2.	Memastikan hanya peserta sahaja yang berada di tempat pertandingan sepanjang masa persediaan dan pertandingan
	3.	Membantu pegawai teknikal menyusun dan mengemas tempat pertandingan

## PELAN LANTAI





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG PENGUMPULAN MARKAH HAKIM

### PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI SCIENCE, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STEM) KATEGORI SEKOLAH RENDAH

PASUKAN	HAKIM 1	HAKIM 2	HAKIM 3	PURATA	RANKING
SR 1					
SR 2					
SR 3					
SR 4					
SR 5					
SR 6					
SR 7					
SR 8					
SR 9					
SR 10					
SR 11					
SR 12					
SR 13					
SR 14					
SR 15					
SR 16					

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....  
NAMA KETUA HAKIM:

.....  
PEGAWAI TEKNIKAL:



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG PENGUMPULAN MARKAH HAKIM

### PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI SCIENCE, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STEM) KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

PASUKAN	HAKIM 1	HAKIM 2	HAKIM 3	PURATA	RANKING
SM 1					
SM 2					
SM 3					
SM 4					
SM 5					
SM 6					
SM 7					
SM 8					
SM 9					
SM 10					
SM 11					
SM 12					
SM 13					
SM 14					
SM 15					
SM 16					

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....  
NAMA KETUA HAKIM:

.....  
PEGAWAI TEKNIKAL



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG MAKLUMAT HAKIM

### PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI SCIENCE, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STEM) KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

BIL	NAMA	INSTITUT/AGENSI/SEKOLAH JAWATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	NO. TEL	T/T	CATATAN
1						
2						
3						

Disahkan oleh:

.....

Pengelola:



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG MAKLUMAT HAKIM

### PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI SCIENCE, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STEM) KATEGORI SEKOLAH RENDAH

BIL	NAMA	INSTITUT/AGENSI/ SEKOLAH	BIDANG	NO. TEL	T/T	CATATAN
1						
2						
3						

Disahkan oleh:

.....  
Pengelola:



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI SCIENCE TECHNOLOGY, ENGINEERING &  
MATHEMATICS (STEM) KEBANGSAAN

NEGERI	
--------	--

NAMA SEKOLAH	ALAMAT	NO TEL / FAKS	E-MAIL

GURU PEMBIMBING	JANTINA	BANGSA	MYKAD	NO TEL

BIL	NAMA PESERTA	JANTINA	BANGSA				MYKAD
			M	C	I	L	

BILANGAN VEGETARIAN			
GURU		MURID	

KATEGORI	(V)	NAMA PRODUK
Kejuruteraan		
Sains		KEPERLUAN
Matematik / ICT		

Pengesahan:

.....  
( )

Cop Rasmi :

Tarikh:



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

## BORANG MAKLUM BALAS PERTANDINGAN

NAMA PERTANDINGAN:

KATEGORI: PEGAWAI TEKNIKAL / GURU / HAKIM\*

\**Sila pilih salah satu*

UMUR:

JANTINA:

KEKUATAN PERTANDINGAN :

---

---

---

KELEMAHAN PERTANDINGAN:

---

---

---

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN :

---

---

---

*Silakan serahkan borang kepada pihak Urusetia Pengelola. Maklum balas anda amat dihargai. Terima kasih.*



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## **PERTANDINGAN ROKET AIR SEKOLAH RENDAH**





## **KERTAS KONSEP PERTANDINGAN ROKET AIR SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Pertandingan Roket Air ini merupakan satu aktiviti STEM yang memperkenalkan teknologi pelancaran roket air. Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat, kreativiti dan memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah rendah mengenai ilmu sains angkasa, teori-teori dalam kejuruteraan fizikal dan memupuk minat murid dalam mata pelajaran sains dan teknologi.
- 1.2 Pertandingan ini terbahagi kepada DUA bahagian iaitu :
  - 1.2.1 Bahagian 1 – Sasaran (*Target*)
  - 1.2.2 Bahagian 2 – Payung Terjun (*Parachute*)
- 1.3 Sasaran pertandingan ini ialah murid Tahun 4 hingga Tahun 6 sekolah rendah bantuan kerajaan.

### **2.0 OBJEKTIF**

Matlamat pertandingan ini adalah untuk:

- 2.1 Memberi peluang kepada murid untuk meneroka pembelajaran di luar bilik darjah dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).
- 2.2 Memupuk minat murid dalam mata pelajaran Sains berunsurkan STEM
- 2.3 Meningkatkan penguasaan kemahiran STEM murid merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran menyelesaikan masalah secara berkumpulan.
- 2.4 Meningkatkan peratus penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum berunsurkan Inovasi Sains, Kejuruteraan dan Matematik.

### **3.0 KELAYAKAN / SYARAT PENYERTAAN**

- 3.1 Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua murid sekolah rendah (Tahun 4 hingga 6 sahaja) yang belajar di sekolah rendah bantuan kerajaan persekutuan. Sekolah bantuan kerajaan negeri dan swasta dibenarkan menyertai pertandingan ini di peringkat daerah dan negeri (sahaja) atas dasar jemputan dan segala kos pertandingan ditanggung oleh sekolah tersebut.
- 3.2 Semua murid yang menyertai mestilah warganegara Malaysia.
- 3.3 Pertandingan adalah secara berpasukan. Setiap pasukan terdiri daripada 2 orang peserta dengan seorang guru pembimbing.
- 3.4 Penyertaan adalah secara berpasukan dari sekolah yang sama.

## **4.0 KAEADAH PERTANDINGAN**

- 4.1 Peserta dinasihatkan untuk memakai pakaian yang sesuai. Contohnya pakaian sukan yang melambangkan sekolah / negeri masing masing.
- 4.2 Kaedah pertandingan
  - i. **Hari pertama**  
Sesi 1: Pembinaan Roket  
Sesi 2: Pelancaran ( Sasaran ) dan soal jawab
  - ii. **Hari kedua:**  
Sesi 3: Pelancaran Roket - Payung Terjun
- 4.3 Masa
  - 4.3.1 Pembinaan model roket ialah 4 jam
  - 4.3.2 Sesi Pelancaran Roket (Sasaran dan Payung Terjun)  
\*\* mengikut giliran undian kumpulan yang bertanding

## **5.0 KATEGORI PERTANDINGAN**


- 5.1 Pertandingan ini terbahagi kepada **DUA** bahagian seperti berikut:
  - 5.1.1 Bahagian 1 – Pelancaran roket Sasaran (*Target*)
  - 5.1.2 Bahagian 2 – Pelancaran roket Payung Terjun (*Parachute*)
- 5.2 Johan ditentukan berdasarkan jumlah markah yang diperolehi daripada bahagian-bahagian seperti berikut:
  - 5.2.1 Soal jawab (10%)
  - 5.2.2 Pelancaran Roket Sasaran (50%)
  - 5.2.3 Pelancaran Roket Payung Terjun (40%)

## **6.0 SESI SOAL JAWAB**

- 6.1 Soal jawab akan diadakan semasa sesi menunggu giliran pada sesi kedua hari pertama.
- 6.2 10 soalan telah disediakan kepada hakim dan hanya 5 soalan yang ditanya berdasarkan perkara berikut:
  - 6.2.1 Reka Bentuk Roket
  - 6.2.2 Bahagian-bahagian roket
  - 6.2.3 Konsep asas Sains dalam teknologi pelancaran roket.
- 6.3 Pemarkahan akan diberi berdasarkan kepada :
  - 6.3.1 Keupayaan murid menjawab soalan hakim dengan baik.
  - 6.3.2 Kefahaman murid terhadap konsep-konsep STEM yang diterapkan dalam pembinaan roket.

## 7.0 PELANCARAN ROKET (SASARAN)

- 7.1 Setiap pasukan dikehendaki melancarkan model roket air yang akan jatuh pada sasaran yang ditetapkan oleh teknikal pertandingan.
- 7.2 Jarak sasaran, **x** dari tapak pelancar adalah ditetapkan dalam jarak 60m, 70m atau 80m. Sebelum acara dimulakan, murid akan mencabut undi jarak yang akan digunakan oleh kesemua peserta. Walau bagaimanapun, panel hakim pada hari pertandingan berhak menentukan jarak baru di antara 60m dan 80m.
- 7.3 Untuk memastikan roket air yang dilancarkan jatuh pada sasaran, setiap pasukan perlu menentukan sendiri parameter seperti paras air dalam botol, tekanan udara dan sudut roket.
- 7.4 Semua roket air hanya dilancarkan pada **tekanan tidak melebihi 50 psi**.
- 7.5 Setiap pasukan hanya dibenarkan membuat **dua (2) kali pelancaran sahaja**. Tempoh pemasangan (setup), persediaan dan pelancaran roket air adalah tidak melebihi 5 minit.
- 7.6 Jarak roket air yang jatuh dalam zon sasaran akan dinilai dan markah akan ditentukan berdasarkan jarak terdekat roket air dari sasaran (*bull's-eye*).
- 7.7 Pembantu hakim akan memberikan isyarat bendera merah sekiranya peserta masih belum bersedia.
- 7.8 Bendera putih akan dikibarkan setelah semua persiapan pelancaran selesai.
- 7.9 Hakim akan memberi isyarat pelepasan dan peserta perlu melepaskan roket kearah sasaran.
- 7.10 Roket air yang jatuh di luar zon sasaran adalah dianggap **GAGAL**. Sekiranya terdapat kurang daripada 5 pasukan yang memasuki zon sasaran, maka jarak jatuh roket yang paling hampir dengan sasaran (di luar zon sasaran) akan diambil bagi melengkapkan lima pasukan terbaik kategori sasaran.
- 7.11 Hanya percubaan terbaik sahaja akan diambil kira dalam pengiraan markah johan keseluruhan.
- 7.12 Sekiranya roket air berpecah kepada dua (2) bahagian selepas pelancaran, percubaan tersebut adalah dianggap gagal (tiada markah diberikan).
- 7.13 Gambarajah berikut menunjukkan pelan tapak pelancaran dan zon sasaran.




## 8.0 PELANCARAN ROKET (PAYUNG TERJUN)

- 8.1 Setiap pasukan dikehendaki melancarkan model roket air yang dilengkapi payung terjun dan catatan masa roket di udara akan diambil.
- 8.2 Payung terjun mestilah diletakkan di bahagian atas komponen utama roket air (payload). Sila rujuk Model Roket Air / Komponen Utama Roket Air
- 8.3 Komponen utama roket air harus jatuh bersama payung terjun ke permukaan bumi. Setiap pasukan perlu menentukan sendiri parameter seperti paras air dalam botol dan tekanan udara.

- 8.4 Semua roket air hanya dilancarkan pada tekanan **tidak melebihi 50 psi**.  
 8.5 Hakim akan bersedia sekiranya peserta telah selesai membuat persiapan.  
 8.6 Hakim akan memberi isyarat supaya roket dilepaskan dan masa akan diambil.  
 8.7 Setiap pasukan hanya dibenarkan membuat **dua (2) kali pelancaran** sahaja.  
 8.8 Masa akan diambil bermula dari pelancaran roket air sehingga ianya:  
   8.8.1 jatuh ke permukaan tanah; atau  
   8.8.2 tersangkut di atas objek lain seperti pokok, bangunan atau pagar; atau  
   8.8.3 hilang daripada pandangan para hakim; atau  
   8.8.4 berada di udara melebihi 15 minit.  
 8.9 Sebanyak tiga catatan masa oleh tiga orang hakim akan diambil bagi setiap pelancaran dan kaedah purata bagi dua masa yang paling hampir antara satu dengan yang lain akan digunakan bagi mendapatkan masa pasukan berkenaan.

## 9.0 SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN

- 9.1 **Setiap** negeri hanya dibenarkan menghantar **SATU** pasukan sahaja.  
 9.2 Setiap pasukan terdiri daripada dua (2) orang murid (Tahun 4 hingga Tahun 6 dan berusia 10 hingga 12 tahun sebelum 31 Disember tahun semasa) dan diiringi oleh seorang (1) guru pembimbing.



## 10.0 SPESIFIKASI MODEL ROKET AIR

- 10.1 Setiap model roket air mesti dibina dalam Sesi Pembinaan Roket Air Making Session) yang akan diadakan pada hari pertandingan. Setiap komponen utama model roket air perlu dibina dengan menggunakan botol plastik minuman berkarbonat **1.5 liter** yang dibawa sendiri.

- 10.2 Semua peralatan dan bahan keperluan untuk pembinaan model roket air semasa Sesi Pembinaan Roket Air (Water Rocket Making Session) akan disediakan oleh pihak pengangsur. Sila rujuk Senarai Keperluan Bahan dan Peralatan Untuk Pertandingan. **Masa pembinaan yang ditetapkan adalah 4 jam.**
- 10.3 Semua tenaga yang dibekalkan kepada roket air adalah kombinasi tekanan air dan udara sahaja.
- 10.4 Semua tenaga yang dibekalkan kepada roket air adalah kombinasi tekanan air dan udara sahaja.
- 10.5 Semua roket air akan dilancarkan dengan menggunakan pelancar yang disediakan oleh pihak pengangsur.
- 10.6 Setiap pasukan dinasihatkan membina sebanyak sekurang-kurangnya 2 model roket air (1 sasaran dan 1 payung terjun)
- 10.7 Walaubagaimanapun, setiap pasukan dinasihatkan membina sekurang-kurangnya :-  
2 roket sasaran dan 2 roket payung terjun

## **11.0 PENGHAKIMAN DAN BANTAHAN**

- 11.1 Semua syarat dan peraturan pertandingan adalah tertakluk kepada perubahan semasa tanpa notis awal.
- 11.2 Keputusan panel hakim adalah muktamad bagi semua kategori pertandingan.
- 11.3 Cara pengiraan markah adalah seperti berikut:
- **Sasaran**  
Markah diberikan berdasarkan jarak terdekat jatuhnya roket berdasarkan jadual dibawah.

<b>Kedudukan</b>	<b>Markah</b>
1	50
2	43
3	38
4	35
5	30
6	28
7	26
8	24
9	22
10	20
seterusnya	berkurang 2 markah

- **Payung terjun**

Markah diberikan berdasarkan masa jatuhnya roket berdasarkan jadual dibawah.

<b>Kedudukan</b>	<b>Markah</b>
1	40
2	35
3	30
4	25
5	20

6	18
7	16
8	14
9	12
10	10
seterusnya	berkurang 2 markah

- 11.4 Pasukan dianggap gagal sekiranya roket pecah kepada 2 bahagian atau lebih sewaktu pelancaran bagi kedua-dua kategori

## 12.0 BILANGAN HAKIM

- 12.1 Kategori Sasaran

Zon	Bilangan hakim	Pembantu hakim
Pendaratan	3	4
Tapak pelancaran	2	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

- 12.2 Kategori payung terjun

Zon	Bilangan hakim	Pembantu hakim
Tapak pelancaran	2	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

## 13.0 KATEGORI PEMENANG

- 13.1 Pemenang diberikan untuk tempat pertama hingga ke-3, berdasarkan Kategori:
- 13.1.1 Sasaran terbaik: Tempat Pertama hingga Tempat Ketiga
  - 13.1.2 Payung terjun masa terbaik: Tempat Pertama hingga Tempat Ketiga
  - 13.1.3 Johan Keseluruhan: Johan keseluruhan: Tempat Pertama hingga Tempat Ketiga

## 14.0 PANDUAN PENGELOLAAN

- 14.1 Persiapan tempat : padang
- 14.2 Keperluan khusus : pelancar roket, bendera, pita ukur

## **15.0 SENARAI KEPERLUAN BAHAN DAN PERALATAN**

- 15.1 Botol plastik minuman berkarbonat 1.5 liter merupakan elemen utama pembinaan sebuah model roket air.
- 15.2 Semua model roket air akan dilancarkan dengan menggunakan pelancar yang disediakan oleh pihak pengajur sahaja.
- 15.3 Senarai bahan dan peralatan yang dibenarkan dalam Sesi Pembinaan Roket Air (*Water Rocket Making Session*):-

15.2.1 Disediakan oleh pengajur:

1	Kertas putih
2	<i>PVC sheet</i>
3	<i>Clear binding cover (A4)</i>
4	<i>Straw board / Corrugated board A4</i>
5	Beg plastik sampah
6	Benang
7	Alat Penimbang
8	<i>Straw</i>

15.2.2 Dibawa oleh setiap pasukan (bergantung kepada keperluan):

1	Botol Plastik Minuman Berkarbonat 1.5 liter
2	Plastisin
3	Pensil/pen
4	<i>Marker pen</i>
5	Pembaris
6	Gunting
7	<i>Pen-knife (NT Cutter)</i>
8	<i>Celulose tape</i>
9	<i>Masking tape</i>
10	<i>Binding tape</i>
11	<i>Double-sided tape</i>
12	Gelang getah
13	<i>One hole punch</i>
14	<i>Reinforcement ring</i>
15	<i>Cutting matt</i>
16	Bedak


## **16.0 AM**

Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada Bahagian Kokurikulum dan Kesenianan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## PANDUAN PENGELOLAAN PERTANDINGAN ROKET AIR SEKOLAH RENDAH

### 1. PERSEDIAAN TEMPAT PERTANDINGAN

1.1 Lokasi : PADANG ( saiz minima 100 m x 60 m )



1.2 Keperluan :

Bil	Perkara	Jumlah
1	Meja Urus setia	2
2	Kerusi Urus setia	10
3	Payung Besar ( Payung pasar malam )	2
4	Meja peserta ( jika di luar dewan )	50
5	Kerusi peserta ( jika di luar dewan )	100
6	Bendera kecil merah & putih	1 set
7	Pelancar roket	4
8	Pita pengukur	4
9	Borang penyertaan	Ikut jumlah pasukan
10	PA system portable ( padang ) / hayler	1
11	PA system urusetia ( khemah urus setia )	1
12	Plug point	2
13	Kanopi	2
14	Bilik pembinaan roket / dewan	1
15	Kalkulator	2
16	Tiang bendera sasaran	4
17	Spray cat putih ( penanda kawasan perimeter sasaran )	6
18	Laptop / Komputer	1
19	Pencetak	1
20	Kertas A4	2 rim
21	Stapler	2
23	Dawai kokot	10 kotak
24	Paip air	1
25	Wayar penyambung	2
26	Peti pertolongan cemas	2

1.3 Keperluan hakim

Bil	Perkara	Jumlah
1	Clip file	4
2	Alat tulis	Ikut keperluan
3	Stopwatch	4
4	Borang Penghakiman	Ikut jumlah peserta
5	Pen hitam	10
6	Topi kebun	13
7	Wisel	6

## 2. BILANGAN URUSETIA / PEMBANTU / HAKIM

### 2.1 Bilangan Hakim

- Kategori Sasaran

Zon	Bilangan hakim	Pembantu hakim
Pendaratan	3	4
Tapak pelancaran	2	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

- Kategori payung terjun

Zon	Bilangan hakim	Pembantu hakim
Tapak pelancaran	2	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>1</b>


### 2.3 Urusetai

Zon	Bilangan
EMCEE	1
Pengira markah	2
Runner	4
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>

## 3. PERALATAN PERTANDINGAN UNTUK SATU PASUKAN

Bil	Perkara	Kuantiti
1	Kertas putih	20 helai
2	Kertas pvc	5 keping
3	Clear binding cover (A4)	10 keping
4	Strow board	1 keping
5	Pensil	5 batang
6	Marker pen	2 batang lain warna
7	Pembaris	1 batang
8	Gunting	2
9	Pen-knife	2
10	Span	5
11	Beg plastic sampah (Hitam)	10
12	Benang	2
13	Penimbang	1
14	Gelang getah	10
15	One hole punch	1
16	Plastisin	1
17	Ring Reinforcement	2
18	Pita pelekat	2
19	Corrugated board	2 keping
20	Bedak	1

#### 4. PERJALANAN PERTANDINGAN



1. Pendaftaran peserta oleh guru pembimbing.
2. Tanggungjawab guru untuk memastikan pendaftaran peserta berjalan lancar.
3. Taklimat ringkas diberikan kepada semua peserta perjalanan pertandingan.
4. Peserta mencabut undi giliran untuk pelancaran roket sasaran dan payung terjun.
